

Objektif

Menguji ketumpatan beberapa jenis cecair dalam satu bekas.

Bahan

Pati gula melaka, 1 tin susu cair, sirap yang dibancuh dengan air suam, air teh kosong pekat dan 2 cawan minum bersaiz besar.

Arahan

Air sirap bandung 3 layer

1. Masukkan pati gula melaka ke dalam cawan.
2. Tuangkan pula susu cair dengan perlahan.
3. Tuangkan pati sirap yang telah dibancuh bersama air.
4. Lihat kedudukan setiap cecair.
5. Lakar dan label setiap lapisan cecair

Air teh 3 layer

1. Masukkan pati gula melaka ke dalam cawan.
2. Tuangkan pula susu cair dengan perlahan.
3. Tuangkan air teh kosong pekat.
4. Lihat kedudukan setiap cecair.
5. Lakar dan label setiap lapisan cecair